

15 NOV 2002

Khalil-Jepun/I

MALAYSIA NEGARA YANG SELAMAT UNTUK DILAWATI, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata bahawa Malaysia ialah antara negara paling selamat untuk dilawati, dan telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan apa-apa bentuk keganasan dalam negara.

"Kita telah mengambil segala bentuk langkah pencegahan untuk mengelakkan apa-apa insiden keganasan.

"Kami yakin melalui hubungan dan rangkaian polis, kemungkinan kejadian seperti itu berlaku adalah sangat tipis," kata beliau kepada satu delegasi 12-anggota Kelab Akhbar Jepun di sini.

Beliau ditanya mengenai pendirian Malaysia berhubung serangan bom di pulau percutian Bali di Indonesia dan juga di Filipina bulan lepas.

Khalil memberi contoh insiden membabitkan kumpulan al-Maunah apabila anggota-anggota kumpulan itu mencuri senjata daripada kem tentera dua tahun lepas, tetapi tindakan segera pihak berkuasa membolehkan penjenayah itu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

"Kita telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengelakkan insiden seperti ini daripada berulang," katanya.

Delegasi itu yang tiba di Malaysia pada Rabu untuk lawatan tiga hari, mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

NJ AHH PR